

Jokowi harapan baharu rakyat

» Pencalonan sebagai Presiden Indonesia tambah keyakinan pengundi terhadap PDI-P



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

Teka-teki mampukah Gabenor Jakarta, Joko 'Jokowi' Widodo dicalonkan untuk jawatan presiden Indonesia atas tiket Parti Demokratik Indonesia Perjuangan (PDI-P) akhirnya terjawab. Calon popular kesukaan ramai itu diumumkan terpilih untuk bertanding jawatan nombor satu negara yang mempunyai lebih 240 juta penduduk pada pilihan raya langsung presiden yang dijadualkan pada 9 Julai akan datang.

Pencalonan ini walaupun sudah dijangka melalui saat getir dan mendebarkan, khususnya ada khabar angin mendakwa Ketua Umum PDI-P, Megawati Sukarnoputri masih berminat untuk bertanding jawatan presiden. Malah, laporan media antarabangsa masih yakin beliau boleh dicalonkan. Misalnya, akhbar *Bangkok Post* bertarikh 9 Mac 2014 menerbitkan artikel bertajuk *Once, Twice, Three Times A Loser But Megawati Is Still Pivotal*, menjangkakan Megawati ada kemungkinan dan boleh dicalonkan untuk jawatan presiden. Malah, pilihan raya presiden 2014 ini dilihat sebagai percubaan terakhir Megawati jika beliau mahu bertanding bagi jawatan berkenaan.

Mandat yang diberikan oleh Megawati kepada Jokowi sebagai calon Presiden PDI-P sudah memberi imej yang baik kepada Megawati. Pemimpin berusia 67 tahun itu dilihat sebagai manusia yang berjiwa besar dan sanggup meminggirkan kepentingan peribadi demi kepentingan



Penyokong Jokowi membawa banner selepas diumumkan sebagai calon presiden di Jakarta, Indonesia. (FOTO AP)

parti yang lebih besar. Inilah pengorbanan besar yang dilakukan oleh Megawati bagi memastikan perjuangan PDI-P dapat diteruskan dengan kemenangan yang besar dalam Pemilihan Umum Legislatif (PEMILU) pada 9 April ini.

Cetus gelombang besar

Tidak dinafikan, pencalonan Jokowi mencetuskan gelombang yang besar kepada PDI-P, khususnya dan pilihan raya Indonesia umumnya. Banyak pihak menjangkakan pengumuman calon presiden dibuat selepas PEMILU April ini. Namun, pencalonan Jokowi yang dibuat lebih awal, dilihat sebagai satu strategi PDI-P bagi meningkatkan sokongan kepada mereka dalam PEMILU akan datang.

Pendekatan ini sebenarnya satu langkah yang bijak kerana sokongan kepada sesebuah parti politik di Indonesia banyak dipengaruhi oleh ketokohan elit politik mereka. Inilah

yang berlaku kepada kemenangan Parti Demokrat pada tahun 2004 dan 2008 yang dibantu oleh populariti Presiden Indonesia sekarang, Susilo Bambang Yudhoyono (SBY).

Pencalonan Jokowi sebagai presiden akan menambah keyakinan pengundi untuk menyokong parti politik yang diwakili oleh beliau dalam PEMILU. Ini sekali gus akan memberi mandat yang lebih besar kepada Jokowi sekiranya beliau menang dalam pilihan raya langsung presiden Julai nanti.

Namun, Jokowi tidak dihamarkan dengan permainan merah untuk menjadi jawatan presiden. Dengan pencalonan ini, Jokowi perlu bersedia untuk dikritik kerana diyakini pihak lawan akan membangkitkan apa jua kelemahan Jokowi bagi mewujudkan persepsi bahawa beliau bukanlah pemimpin yang baik. Pengalaman beliau sebagai Gabenor Jakarta selama lima tahun akan dinilai dan jika ada

kelemahan, akan diperbesar-besarkan. Malah, tulisan mempertikaikan Jokowi dan membandingkannya dengan presiden sedia ada mulai timbul. Antaranya, media Indonesia dikatakan terlalu berat sebelah kepada Jokowi sehingga tidak mampu mengkritik beliau.

Sebelum ini, ada segelintir pihak meragui kemampuan Jokowi memimpin Indonesia kerana beranggang beliau belum lagi bersedia. Ini kerana pengalamannya mentadbir Jakarta tidak boleh disamakan dengan mentadbir negara yang sebesar Indonesia. Maka, di sinilah akan bermula perang psikologi bukan saja kepada Jokowi malah kepada pengikut dan penyokong beliau.

Harapan baharu

Meskipun begitu, Jokowi masih membawa imej yang baik dan menjadi harapan baharu kepada politik Indonesia oleh rata-rata pengundi. Beliau dilihat sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat, sepagi turun padang dan lebih penting, tidak tunduk kepada godaan-rasuah. Malah, Jokowi amat disenangi oleh media tempatan.

Banyak analisis di Indonesia menyambut baik akan pencalonan beliau dalam Universitas Gadjah Mada (UGM) ini. Pencalonan Jokowi dikatakan akan meningkatkan peraturan pengundian dalam PEMILU akan datang, sekali gus mengurangi jumlah golongan putih (golput) iaitu mereka yang memboikot dan tidak turun mengundi.

Persoalan seterusnya, jika ditakdirkan Jokowi memenangi jawatan presiden akan datang, siapakah yang akan menggantikan beliau sebagai Gabenor Jakarta? Ada pihak melihat Wakil Gabenor, Basuki Tjahaja Purnama berpeluang mengambil jawatan yang ditinggalkan oleh Jokowi itu.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)